



GARIS PANDUAN GERAN SEPADAN (MATCHING GRANT)

UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA

Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti Bil. 3/2017

Pindaan:

Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti Bil. 4/2020

Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti Bil. 6/2021

GARIS PANDUAN GERAN SEPADAN (*MATCHING GRANT*)
PUSAT PENGURUSAN PENYELIDIKAN
UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA

1.0 TUJUAN

Garis Panduan **Geran Sepadan** atau ***Matching Grant (MG)*** ini disediakan untuk rujukan semua staf universiti dalam pengurusan dan pelaksanaan geran.

2.0 KONSEP PENGANUGERAHAN GERAN SEPADAN

- 2.1 Merupakan suatu dana yang diberikan kepada penyelidik yang berjaya memperolehi dana penyelidikan daripada industri dalam dan luar negara untuk melaksanakan projek-projek penyelidikan yang menyumbang kepada penemuan idea-idea baharu serta memberi tumpuan kepada penyelidikan yang berinovasi dan berimpak tinggi.
- 2.2 Dana penyelidikan yang disumbangkan oleh industri dalam dan luar negara tersebut **tidak menetapkan syarat atau keperluan untuk universiti menyediakan peruntukan geran sepadan.**

3.0 SYARAT-SYARAT PERMOHONAN

Syarat-syarat permohonan bagi Geran Sepadan adalah seperti berikut:

3.1 SYARAT KHUSUS

- 3.1.1 Pemohon mestilah terdiri daripada **staf akademik Gred DS45 dan ke atas.**
- 3.1.2 Staf akademik adalah bertaraf **tetap atau kontrak** sahaja. Bagi staf kontrak, pemohon perlu melibatkan satu (1) orang staf akademik bertaraf tetap sebagai ahli projek.

3.1.3 Staf yang berstatus sementara dan cuti belajar/ sabatikal/ pasca kedoktoran/ sangkutan industri **tidak layak** memohon sebagai Ketua Projek.

3.2 SYARAT UMUM

3.2.1 Pemohon hendaklah mengisi **Borang Permohonan Geran Sepadan**.

3.2.2 Setiap permohonan hendaklah melalui Fakulti/Pusat untuk sokongan dan makluman sebelum dimajukan kepada Pusat Pengurusan Penyelidikan (RMC).

3.2.3 Pemohon mestilah telah menerima geran luar sama ada dari industri dalam atau luar negara **secara tunai**. Terimaan dana luar dalam bentuk *inkind* atau barangan tidak akan diambilkira dalam pemberian Geran Sepadan.

3.2.4 **Minimum nilai tunai adalah RM10,000.00** yang boleh dipertimbangkan bagi Ketua Penyelidik dalam kedua-dua bidang iaitu Sains & Teknologi (S&T) dan bukan Sains & Teknologi (Non S&T).

3.2.5 Universiti akan menyalurkan peruntukan bagi Geran Sepadan setelah pihak industri menyalurkan peruntukan **minimum 30% daripada nilai geran industri**. Penyaluran 30% tersebut perlu dilaksanakan dalam separuh daripada tempoh projek penyelidikan.

3.2.6 **Dana dari industri mestilah disalurkan 100%** ke dalam akaun universiti **pada tahun pertama geran**. Peruntukan dari industri mestilah di urustadbir oleh RMC.

3.2.7 Universiti **berhak menyalurkan peruntukan Geran Sepadan mengikut peratus terimaan dana** daripada pihak industri.

- 3.2.8 Bilangan **minimum keahlian** dalam projek penyelidikan ini adalah **satu (1) orang staf akademik** tidak termasuk Ketua Projek.
- 3.2.9 Telah menghantar Laporan Akhir bagi projek penyelidikan lain yang telah tamat tempoh penyelidikannya.
- 3.2.10 Pihak industri mesti melaksanakan perakuan bahawa tidak pernah menerima sebarang geran berkaitan daripada pihak Kerajaan sebelum permohonan Geran Sepadan dimajukan kepada pihak Universiti melalui RMC.

4.0 TEMPOH PENYELIDIKAN

Tempoh permohonan bagi Geran Sepadan adalah seperti berikut:

- 4.1 Tempoh maksimum menjalankan projek penyelidikan adalah **dua (2) tahun atau 24 bulan**.
- 4.2 Bagi staf akademik kontrak, tempoh projek penyelidikan mestilah **tidak melebihi tempoh kontrak perkhidmatan**.
- 4.3 Perlanjutan tempoh geran ini adalah tidak dibenarkan kecuali dengan justifikasi yang munasabah.

5.0 SILING PERUNTUKAN

- 5.1 Penetapan maksimum pembiayaan bagi Geran Sepadan adalah pada nisbah sehingga 1 : 1, berdasarkan kepada nilai dan kualiti projek yang dicadangkan selain tertakluk kepada penilaian oleh jawatankuasa yang akan dilantik.
- 5.2 Sumber pembiayaan bagi peruntukan Geran Sepadan adalah menggunakan **dana penyelidikan universiti** di bawah **tanggungjawab Pusat Pengurusan Penyelidikan (RMC)**.

- 5.3 Kelulusan peruntukan Geran Sepadan ini juga adalah tertakluk kepada kemampuan kewangan universiti.
- 5.4 Penetapan siling peruntukan akan diputuskan dalam Mesyuarat Penyelarasan Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi) dan makluman kepada Jawatankuasa Pengajian Penyelidikan (JKPI).

6.0 PETUNJUK PRESTASI UTAMA (KPI)

Bagi setiap Geran Sepadan yang dianugerahkan, projek penyelidikan perlu memenuhi Petunjuk Prestasi Utama (KPI) penyelidikan seperti berikut:

6.1.1 Kategori Penyelidikan (*Research Based*)

a. Penerbitan

- i. Satu (1) penerbitan jurnal berindeks Scopus bagi setiap kelulusan peruntukan geran berjumlah RM20,000.00 untuk kategori projek Sains & Teknologi (S&T); atau
- ii. Satu (1) penerbitan prosiding berindeks Scopus atau jurnal tidak berindeks bagi setiap kelulusan peruntukan geran berjumlah RM5,000.00 untuk kategori projek bukan Sains & Teknologi (Non S&T); atau
- iii. Berdasarkan kepada pembentangan dan persetujuan di antara pihak universiti melalui Pusat Pengurusan Penyelidikan (RMC) dengan penyelidik.

b. Memorandum Persefahaman (MoU) / Memorandum Perjanjian (MoA)

- i. Satu (1) MoA peringkat nasional; atau,
- ii. Satu (1) MoU peringkat antarabangsa

c. Video Pendek

Ketua projek (KP) perlu menyediakan video pendek berdurasi 3-5 minit semasa sesi pembentangan laporan akhir.

6.1.2 Kategori Projek (*Project Based*)

a. Laporan Teknikal

- i. Menerbitkan Laporan Teknikal (sekurang-kurangnya mempunyai pendaftaran ISBN).
- ii. Penghargaan kepada Geran Sepadan dan Industri mestilah dinyatakan dengan jelas dalam setiap penerbitan.

b. Memorandum Persefahaman (MoU) / Memorandum Perjanjian (MoA)

- i. Satu (1) MoA peringkat nasional; atau,
- ii. Satu (1) MoU peringkat antarabangsa

c. Video Pendek

Ketua projek (KP) perlu menyediakan video pendek berdurasi 3-5 minit semasa sesi pembentangan laporan akhir.

d. Harta Intelek (IP)

- i. Ketua Projek (KP) digalakkan memfailkan harta intelek.
- ii. Hasil pengkomersilan (sekiranya ada), hendaklah diagihkan mengikut polisi universiti.

7.0 PERATURAN KEWANGAN

7.1 **Vot 11000 - Upah dan Elaun**

7.1.1 Upah dan elaun adalah untuk membiayai Pembantu Penyelidik Siswazah (GRA). Siling upah dan elaun **tidak melebihi RM1,800 untuk pelajar Sarjana atau RM2,300 untuk pelajar PhD.**

7.1.2 Pelantikan Pembantu (RA) dibenarkan mengikut peraturan pelantikan yang sedang berkuatkuasa.

7.1.3 Kesemua pelantikan adalah tertakluk kepada kecukupan peruntukan yang sedia ada.

7.1.4 Walau bagaimanapun, bahagian peruntukan yang disumbangkan oleh industri dalam dan luar negara tidak tertakluk kepada kadar upah, akan tetapi kadar upah yang ditetapkan mestilah rasional dan munasabah.

7.2 **Vot 21000 - Perjalanan dan Pengangkutan**

7.2.1 Perbelanjaan merangkumi semua perjalanan dan pengangkutan **domestik** yang berkaitan dengan projek.

7.2.2 Perjalanan ke luar negara perlu memenuhi kriteria di bawah:-

- a) Perjalanan ke luar negara dibenarkan tertakluk kepada kecukupan geran yang diperolehi. Hanya ahli kumpulan penyelidikan sahaja yang dibenarkan bagi tujuan tersebut. Pembantu Penyelidik hanya dibenarkan untuk mengikuti persidangan, seminar atau bengkel yang berkaitan dengan penyelidikan mereka di dalam negara sahaja.

- b) Perjalanan ke luar negara yang dibenarkan ialah yang bertujuan untuk menghadiri persidangan/ seminar/ bengkel / kolokium untuk **membentangkan hasil penyelidikan dan diterbitkan di dalam jurnal yang diindeks Scopus.**
- c) Destinasi perjalanan tersebut mestilah merupakan tempat yang paling sesuai dan ekonomikal dari segi kemudahan, kepakaran dan pemindahan teknologi.
- d) Untuk menghadiri **persidangan dan lain-lain aktiviti adalah sebanyak 15%** dari jumlah peruntukan projek dibenarkan.
- e) Manakala **aktiviti kerja lapangan** adalah sebanyak 15% dari jumlah peruntukan projek dibenarkan.
- f) Perjalanan untuk menghadiri persidangan di luar negara dibenarkan **mulai tahun ke dua (2) sahaja.**

7.2.3 Jumlah perbelanjaan untuk perjalanan **tidak boleh melebihi 30%** daripada jumlah keseluruhan projek.

7.3 **Vot 24000 – Sewaan**

Sewaan hanya dibenarkan untuk bangunan, peralatan, pengangkutan dan barangan lain yang terlibat secara langsung dengan penyelidikan.

7.4 **Vot 27000 - Bekalan dan Bahan Penyelidikan**

Hanya perbelanjaan yang berkaitan dengan penyelidikan sahaja dibenarkan.

7.5 Vot 28000 - Baik Pulih Kecil dan Ubahsuai

7.5.1 Hanya perbelanjaan untuk baik pulih dan pengubahsuaian yang kecil terhadap bangunan, makmal, peralatan atau lain-lain barang yang berkaitan dengan penyelidikan dibenarkan.

7.5.2 Kos penyelenggaraan peralatan sedia ada semasa projek dilaksanakan adalah dibenarkan. Selepas projek selesai kos penyelenggaraan ini tidak akan ditanggung lagi oleh geran ini.

7.6 Vot 29000 - Perkhidmatan Ikhtisas

Vot ini meliputi lain-lain perkhidmatan termasuk percetakan, hospitaliti, honorarium, perkhidmatan profesional, konsultasi, penggunaan komputer, pemprosesan data dan lain-lain perkhidmatan yang berkaitan dengan projek penyelidikan.

7.6.1 Perkhidmatan Khas

Perbelanjaan perkhidmatan khas merangkumi kos menghadiri kursus, program sangkutan jangka pendek (sekali (1) sahaja) untuk mempelajari teknik - teknik khusus yang berkaitan dengan projek penyelidikan. Tempoh yang dibenarkan adalah tidak melebihi tiga (3) bulan.

7.6.2 Yuran kursus/latihan yang dibenarkan ditanggung melalui geran adalah **tidak melebihi 10%** dari peruntukan geran.

7.7 Vot 35000 - Aksesori dan Peralatan

7.7.1 Hanya pembelian peralatan khas dan aksesori (termasuk meningkatkan keupayaan peralatan sedia ada) yang berkaitan dengan projek penyelidikan dibenarkan. Sila sediakan senarai dan justifikasi alat yang dipohon.

7.7.2 Jumlah yang dipohon pula **tidak melebihi 40%** dari peruntukan geran.

8.0 Pemilikan Aset dan Inventori

- 8.1 Peralatan penyelidikan yang dibeli menggunakan Geran Sepadan hendaklah direkodkan sebagai aset dan inventori serta dikembalikan kepada Pusat Pengurusan Penyelidikan (RMC) setelah tempoh projek tamat. Semua aset dan inventori adalah menjadi **Hak Milik UTHM**.
- 8.2 Peralatan penyelidikan yang dibeli menggunakan peruntukan yang disumbangkan oleh industri akan direkodkan sepertimana dalam perkara 8.1. Aset dan inventori tersebut akan menjadi **Hak Milik UTHM**, melainkan persetujuan/perjanjian antara penyelidik dan pihak pembiaya menyatakan sebaliknya.

9.0 Pemilikan Harta Intelek

Sekiranya penyelidikan ini menghasilkan produk yang perlu dilindungi di bawah Harta Intelek atau *Intellectual Property (IP)*, persetujuan bersama antara pihak- pihak yang terlibat perlu dicapai dan dinyatakan secara bertulis dalam dokumen/perjanjian.

10.0 PROSES PERMOHONAN

Bagi setiap permohonan Geran Sepadan, Pusat Pengurusan Penyelidikan (RMC) / Penyelidik perlu melaksanakan tindakan seperti berikut:

- 10.1 Penyelidik yang telah berjaya memperolehi dana daripada institusi dalam dan luar negara perlu mengemukakan **borang permohonan beserta kertas cadangan penyelidikan** kepada Fakulti untuk **sokongan dan makluman**. Seterusnya, permohonan tersebut dimajukan kepada RMC untuk kelulusan.

- 10.2 Senarai penyelidik yang layak akan dipertimbangkan untuk kelulusan oleh Pusat Pengurusan Penyelidikan (RMC).
- 10.3 Pemakluman keputusan permohonan kepada penyelidik akan disampaikan oleh RMC menerusi email atau surat rasmi.

11.0 PEMANTAUAN

11.1 Laporan Kemajuan

Laporan Kemajuan Penyelidikan:

11.1.1 Hendaklah dimajukan ke Pusat Pengurusan Penyelidikan (RMC), **setiap enam (6) bulan** atau tempoh yang ditetapkan.

11.1.2 Hendaklah menggunakan format Laporan Kemajuan Geran Sepadan.

11.2 Laporan Akhir

Laporan akhir hendaklah dikemukakan kepada Pusat Pengurusan Penyelidikan (RMC) **selewat-lewatnya 3 bulan** selepas tarikh tamat tempoh tamat penyelidikan.

12.0 TANGGUNGJAWAB KETUA PENYELIDIK

- 12.1 Ketua Penyelidik adalah bertanggungjawab dalam memastikan penyelidikan dijalankan secara efektif berdasarkan objektif, jangkamasa dan peruntukan geran yang diberikan.
- 12.2 Kegagalan Ketua Penyelidik mematuhi peraturan/garis panduan boleh menyebabkan pihak universiti mengenakan tindakan berdasarkan kepentingan universiti.

CARTA ALIR PROSES PERMOHONAN GERAN SEPADAN (MATCHING GRANT - MG)

